

MSWG**MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP****Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad**

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

02.05.2014

MESEJ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Gelembung harga saham-saham bermodal kecil sejak kebelakangan ini nampaknya telah berakhir apabila empat kaunter saham bermodal kecil menghadapi tekanan jualan berterusan pada minggu ini hingga mencecah had maksimum kejatuhan: Visdynamics Holdings Bhd, MNC Wireless Bhd, Solution Engineering Holdings Bhd dan Industronics Bhd.

Walaupun pertanyaan Bursa kepada empat syarikat tersebut telah dijawab dengan kenyataan yang lazim diberikan iaitu mereka tidak mengetahui apa-apa perkembangan atau penjelasan tentang aktiviti dagangan luar biasa saham-saham tersebut, kebimbangan yang lebih besar adalah sama ada kejatuhan harga saham tersebut akan mencetuskan kejatuhan pasaran yang lebih meluas.

Dari perspektif penilaian, data Bloomberg menunjukkan Indeks Syarikat Bermodal Kecil Malaysia didagangkan pada anggaran 21 kali pendapatan, iaitu lebih tinggi daripada 17.1 kali pendapatan bagi FBM KLCI, dan nisbah harga-pendapatan (PE) masa hadapan sebanyak 10.4 kali berbanding 15.8 kali bagi FBM KLCI.

Nisbah PE masa hadapan ini membayangkan bahawa saham bermodal kecil akan terus mengekalkan reputasi sebagai stok yang mempunyai prospek pertumbuhan dan boleh mencatat pendapatan lumayan, sekaligus memberikan justifikasi kepada harga sahamnya yang tinggi. Pada pandangan kami sektor syarikat bermodal kecil ini terdiri daripada ratusan kaunter saham, oleh itu penyelidikan lanjut perlu dilakukan untuk mengenalpasti saham yang dipacu oleh asas yang kukuh, dan yang mana adalah sebaliknya.

Lawatan kami baru-baru ini ke terminal KLIA2 memberikan gambaran yang menggalakkan mengenai terminal baru tersebut. Jambatan udara, travelator, pilihan kedai makanan & minuman dan kedai-kedai barangan yang lebih luas semestinya satu perubahan yang besar berbanding terminal LCC sedia ada yang sesak, dengan kekurangan kemudahan bagi keselesaan penumpang.

Walaupun masih terdapat beberapa kerja pengubahsuaian dan pembaikan kecil yang masih dalam pelaksanaan, kami percaya ianya tidak akan menjejaskan pembukaan rasmi terminal tersebut pada 2 Mei 2014 (pada masa berita ini ditulis). Ini merupakan perkembangan positif bagi semua kontraktor yang terlibat seperti Bina Puri, WCT dan UEM, dan semestinya juga bagi AirAsia dan MAHB.

Menyentuh amalan tadbir urus korporat, kami melihat amalan memberikan kelulusan menyeluruh (*blanket approval*) bagi had ganjaran pengarah masih berlaku di kalangan beberapa syarikat, meskipun kami telah mengetengahkan isu ini sebelum ini.

Amalan ini bermakna sebarang kenaikan dalam ganjaran pengarah boleh dilakukan tanpa memerlukan kelulusan pemegang saham dan nampak tidak konsisten dengan peraturan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia. Di bawah amalan ini, pemegang saham minoriti tidak berpeluang untuk memutuskan sama ada kenaikan ganjaran tersebut adalah wajar atau sebaliknya, memandangkan tiada peningkatan di dalam had kenaikan berbanding tahun sebelumnya. Oleh itu kelulusan pemegang saham tidak diperlukan.

Menyentuh tentang AGM, kami ingin mengetengahkan kepada pembaca mengenai aktiviti tanggungjawab sosial korporat atau CSR yang pada amnya sangat digalakkan, namun pada masa yang sama kami berpandangan syarikat perlu lebih telus mengenai jumlah dana yang diperuntukkan bagi tujuan CSR. Syarikat tersenarai perlu membangunkan polisi dan rangka kerja bagi pelaksanaan CSR dan menyatakannya secara jelas di dalam Laporan Tahunan atau laman web syarikat. Pada masa yang sama, penggunaan dana bagi tujuan CSR perlu dipantau untuk memastikan ianya diagih dan digunakan secara sepatutnya.

Kami juga mendapati satu kes mengenai Terbitan Saham Hak baru-baru ini, di mana pemegang saham utama telah mengumumkan untuk melepaskan kelayakan saham haknya kepada pelabur pihak ketiga yang bukannya pemegang saham syarikat. Kami memandang penolakan saham hak yang besar sebegini kepada satu pihak lain yang bukannya pemegang saham syarikat pada harga diskaun yang tinggi sebagai tidak saksama dan juga akan menjejaskan kepentingan pemegang saham minoriti yang lain, yang sepatutnya diberikan keutamaan untuk melanggan saham hak tersebut sebelum ditawarkan kepada pihak ketiga. Dalam hal ini, garis panduan dan amalan semasa perlu dikaji semula.

Lawatan Presiden Barack Obama ke Malaysia telah pun berlalu, dan saya berpandangan mesej beliau yang paling penting adalah kejayaan Malaysia yang berterusan memerlukan penglibatan semua rakyat Malaysia.

Salam,

Rita

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

PUBLIC BANK BERHAD (“PBB”)

Pada 29 April 2014 PBB telah mencadangkan terbitan saham hak boleh lepas untuk mengumpul RM5 bilion, bermakna pemegang saham yang layak yang memegang 1,000 unit saham boleh melanggan bagi kelayakan haknya sebanyak kira-kira RM1,428.

PBB menyatakan di dalam pengumuman tersebut bahawa terbitan saham hak tersebut adalah sebahagian daripada strategi pengurusan modal untuk mengukuhkan lagi kedudukan modalnya bagi menyokong pertumbuhan perniagaan yang berterusan. Cadangan terbitan saham hak tersebut juga akan memberikan pemegang saham yang layak peluang untuk meningkatkan penglibatan ekuiti mereka di dalam syarikat. Hasil kutipan dana sebanyak RM4.97 bilion akan digunakan bagi tujuan modal kerja dan

perbankan am, manakala selebihnya sebanyak RM30 juta akan digunakan bagi membayar perbelanjaan bagi cadangan terbitan saham hak tersebut.

KOMEN MSWG:

Baru-baru ini dua bank tempatan terbesar Malaysia telah mengumpulkan dana yang agak besar untuk mengukuhkan kedudukan modal mereka dan juga untuk mematuhi peraturan Basel III. Oleh itu, tidak mengejutkan bahawa PBB, bank domestik ketiga terbesar di Malaysia juga membuat keputusan untuk melakukan perkara yang sama jika ia berhasrat untuk mematuhi keperluan kecukupan modal dan pada masa yang sama mengembangkan perniagaannya.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my
Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my
Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my
Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my
Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat nghh@mswg.org.my
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my
Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan shahnul.niza@mswg.org.my
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my
Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my
Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my
Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*
-

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.